

# Cabaran pendidik era globalisasi

Pengaruh gajet, bebanan tugas antara tanggungjawab perlu ditempuhi

**P**ernahkah kita terfikir bagaimana kita boleh menjadi diri kita sekarang sama ada kita seorang profesor, doktor, jurutera, pegawai kerajaan, pekerja sektor swasta, jururawat, polis, tentera, pengurus dan sebagainya. Siapa yang mendidik kita sehingga kita mampu berdikari dan mempunyai kerjaya dalam kelas kita yang tersendiri. Jawapannya tidak lain dan tidak bukan ia adalah hasil didikan guru atau pendidik.

Sama ada guru atau pensyarah, mereka adalah gabungan dua dalam satu iaitu nama berbeza, tetapi mempunyai tanggungjawab sama iaitu mendidik anak bangsa. Kadangkala masyarakat melihat peranan pendidik tidak lebih daripada mendidik anak bangsa tanpa mengetahui cabaran dan liku yang mereka terpaksa tempuh demi menunaikan tanggungjawab yang bukan mudah untuk dilakukannya.

Secara umumnya, melaksanakan tanggungjawab sebagai pendidik telah melalui fasa berbeza iaitu masa kini yang lebih dikenali sebagai era globalisasi dan era zaman sebelum globalisasi. Menjadi pendidik era globalisasi sangat mencabar. Apakah cabarannya? Antara cabaran yang paling besar adalah untuk mendidik anak bangsa mencintai ilmu. Dunia globalisasi hari ini memperlihatkan munculnya banyak gajet yang boleh menarik minat dan pada masa sama mengheret remaja untuk membuang masa dan tidak menghiraukan pelajaran.

Kebanyakan remaja pada hari ini dilihat hanyut dan hidup dalam dunianya tersendiri bersama gajet itu.

## Cabaran menerapkan semangat cinta ilmu

Kecintaan terhadap ilmu semakin berkurangan. Mengapa dikatakan demikian memandangkan remaja masa kini banyak menghabiskan masa melayari gajet berbanding membaca buku dan mengulang kaji pelajaran. Ini adalah cabaran yang sangat hebat bukan saja kepada pendidik bahkan kepada negara memandangkan negara memerlukan modal insan yang berilmu dan berpengetahuan tinggi untuk memimpin negara pada masa depan.

Cabaran seterusnya yang mungkin masyarakat di luar sana tidak terfikir adalah pendidik kini tidak lagi menjadi pendidik semata-mata, bahkan mereka juga melakukan pelbagai kerja di luar dari bidang kerja mereka.

Perkara ini jika tidak diuruskan dengan baik mungkin akan menjejaskan tugas hakiki mereka iaitu mendidik anak bangsa. Bagi seorang pensyarah di IPT mereka dikehendaki menjalankan penyelidikan bergeran dan hasilnya mereka perlu menghasilkan produk apabila tamat penyelidikan. Ini amat membebankan setengah pensyarah kerana jika mereka tidak ada penyelidikan ia akan memberi kesan kepada markah Saranan Kerja Tahunan (SKT) individu dan jabatan.



Pendidik kini perlu menggunakan tablet dalam kaedah pembelajaran bagi menarik minat pelajar. [GAMBAR HIASAN]

Apatah lagi sekarang ini setiap universiti dan institusi berlumba-lumba menghasilkan lebih banyak produk penyelidikan dan benda baharu. Universiti yang kurang penyelidikan akan tercorot dan tidak popular pada mata dunia. Selain itu, ada juga pendidik yang dilantik menentu jabatan-jabatan tertentu, menjadi penceramah, fasilitator dan penasihat kelab pelajar. Masa cuti juga dipenuhi pelbagai kursus dan bengkel anjuran institusi bagi memantapkan lagi kerjaya setiap pendidik. Disebabkan itu, pendidik pada masa kini terpaksa bijak menguruskan masa agar tugas hakiki sebagai pendidik tidak terabai.

Menjadi pendidik pada masa kini memerlukan seseorang yang tinggi ilmunya. Ini bermakna seseorang pendidik tidak boleh berpuas hati dengan tahap pendidikan dimiliki. Justeru, dapat dilihat ada antara guru yang dihantar oleh jabatan untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi. Jika sebelum ini mereka memiliki diploma, maka mereka perlu menyambung pengajian ke peringkat ijazah dan jika sebelum ini mereka guru lulusan ijazah, maka mereka akan dinasihatkan untuk sambung belajar ke peringkat sarjana. Bagi pensyarah pula, kebanyakannya akan dinasihatkan oleh pihak universiti untuk menyambung pengajian ke peringkat doktor falsafah.

## Cabaran urus masa

Setiap universiti pada hari ini juga memerlukan lebih ramai pensyarah yang berkelulusan doktor falsafah dan ini secara tidak langsung menaikkan nama sesebuah universiti. Bagi menyahut seruan itu ada antara pendidik yang menyambung pelajaran secara sepenuh masa dan se-

paruh masa. Cabaran sangat besar jika seseorang pendidik itu belajar sambil bekerja kerana mereka perlu bijak menguruskan masa untuk bekerja, belajar, keluarga dan juga urusan kewangan.

Sekolah pada masa ini berusaha menjadi sekolah cemerlang dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3), Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) dan juga Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Setiap sekolah ada sasaran sendiri. Untuk merealisasikan sasaran itu maka guru perlu bekerja keras bagi memastikan pelajar mencapai sasaran sekolah dan cemerlang dalam semua mata pelajaran. Di sini dapat dilihat tugas seorang guru tanpa henti dan mengenal penat lelah berusaha mengadakan kelas tambahan dan tuisyen pada sebelah petang dan malam. Semuanya bagi mencapai sasaran diharapkan. Barangkali sesiapa juga boleh bayangkan tugas seorang guru dari pagi sampai malam tanpa henti. Itulah jasa guru untuk menaikkan nama sekolah dan institusi hingga mengorbankan masa berharga mereka.

Zaman globalisasi juga memperlihatkan pelbagai pengaruh positif dan negatif kepada kehidupan masyarakat masa kini. Kesan negatif seperti gejala sosial seakan menjadi makanan muda mudi dan remaja masa kini. Dalam hal ini pelajar sekolah dan IPT tidak terkecuali daripada menerima kesan negatif tersebut. Antaranya ada dalam kalangan pelajar masa kini terjebak dengan gejala sosial seperti masalah disiplin, pergaulan tanpa batasan, terpengaruh dengan budaya kuning, merokok, buli, pengaruh negatif melalui gajet canggih yang mereka miliki dan sebagainya.

Keadaan ini sebenarnya boleh mencemarkan nama baik sekolah dan universiti apabila ada kalangan pelajar terlibat dengan dadah, anak luar nikah, judi, kaki siber dan lain-lain gejala yang bertentangan dengan budaya orang timur atau Islam. Masalah ini memberikan tamparan hebat kepada guru dan pendidik kerana di samping mendidik anak bangsa dengan ilmu dunia, mereka juga perlu berperanan mendidik dan menasihati anak bangsa dengan didikan keagamaan, kaunseling dan moral dengan penuh berhemah. Walau pun pada dasarnya ia adalah tanggungjawab ibu bapa di rumah, namun pada hari ini tugas itu telah dipikul oleh pendidik memandangkan sekolah atau universiti adalah ibu bapa kedua kepada pelajar.

Akhir sekali adalah cabaran dalam aspek pengajaran dan pembelajaran. Jika masa dulu, pembelajaran dan pengajaran berlaku di bilik darjah dan bilik kuliah bertemankan papan hitam dan kapur atau pen marker. Kini zaman sudah berubah. Pendidik terpaksa mempelajari teknik terbaru serta alat bantuan mengajar yang lebih canggih. Pendidik kini perlu pandai dan bijak menggunakan teknologi yang ada bagi disesuaikan dengan pengajaran dalam kelas.

## Pendidik perlu kreatif guna teknologi terkini

Pendidik tidak boleh bersikap tradisional dalam menyampaikan ilmu kerana generasi IT tidak sama dengan generasi papan hitam dan kapur satu ketika dulu.

Dalam hal ini, pendidik masa kini perlu mempersiapkan diri dengan kaedah pengajaran menggunakan teknologi terkini yang lebih cepat, efektif dan yang paling penting ia perlu berjaya menarik minat pelajar untuk belajar. Segala kaedah terkini mengenai pembelajaran secara dalam talian umpamanya perlu dipraktikkan. Semua ini adalah cabaran kepada pendidik kerana mereka perlu berusaha bagi memastikan sesi pembelajaran dalam kelas dapat membantu pelajar lebih memahami apa yang dipelajari dengan menggunakan apa saja teknologi terkini. Pendidik yang tidak mempraktikkan teknologi dalam pengajaran akan diangap ketinggalan zaman.

Walaupun cabarannya dan walaupun teknologi sentiasa berubah, tugas dan tanggungjawab pendidik tetap sama iaitu mendidik anak bangsa. Tugas hakiki mereka iaitu mendidik tidak boleh diketepikan memandangkan jika cara didikan salah, maka kesannya sangat besar kepada pembangunan modal insan pada masa akan datang. Begitu juga dengan sekolah dan IPT, peranan mendidik haruslah menjadi keutamaan daripada hal lain.



## Penulis

ialah Pensyarah Kanan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang. E-mel, hasnah@ump.edu.my



DR HASNAH HUSSIN